



## **Kesejahteraan sosial masyarakat nelayan: Kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor**

Mohd Yusof Hussain<sup>1</sup>, Azima Abdul Manaf<sup>1</sup>, Zaimah Ramli<sup>1</sup>, Suhana Saad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Yusof Hussain (email: hmyusoff@ukm.my)

### **Abstrak**

Kertas ini menilai secara diskriptif persepsi penduduk Kampung Sri Bahagia yang telah terpilih menjadi responden kepada kajian. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap persepsi kesejahteraan sosial mereka. Kesejahteraan sosial boleh dilihat daripada pelbagai dimensi untuk dieksplorasi. Beberapa penunjuk kesejahteraan telah digunakan dalam menilai tahap kesejahteraan sosial di sesuatu kawasan. Berdasarkan kepada petunjuk tersebut, kertas ini menganalisa petunjuk tahap kesejahteraan sosial masyarakat daripada pelbagai aspek penilaian seperti sosio-ekonomi, penyediaan perkhidmatan, infrastruktur dan pembangunan. Keterpinggiran masyarakat yang terletak di luar sfera utama pembangunan sering menjadi subjek wacana dan perbincangan. Kertas ini akan memberi informasi dan panduan kepada pentadbir kawasan dalam perencanaan pembangunan yang lebih menyeluruh kepada komuniti nelayan di Mersing.

Katakunci: kesejahteraan sosial, keterpinggiran, masyarakat nelayan, perencanaan pembangunan, persepsi, zon pembangunan

## **The social well-being of a Malaysian fishing community: The case of Kampong Bahagia, Mersing, Johor**

### **Abstract**

This paper evaluates descriptively the perception of Sri Bahagia fishermen of their state of social well-being. As social well-being may be viewed from several dimensions, this study adopted the subject's perception perspective whereby systematically sampled respondents expressed their own perception of their state of wellbeing as fishermen in their locality. Several indicators of the fishermen's social well-being were utilised in the assessment which pertained to socio-economic variables, the provision of services, infrastructure and development. The paper concludes that like many marginalised communities elsewhere the Kampong Bahagia's fishermen, being physically located outside the state's development zone, were left out of the development mainstream. As such it is imperative and urgent that the authorities concerned implement measures leading to the inclusion and integration of the fishermen into the state's and country's development ambit.

**Keywords:** development planning, development zone, fishing community, marginalisation, perception, social well-being

### **Pengenalan**

Kajian terhadap impak pembangunan pada kebiasaannya lebih tertumpu terhadap laporan EIA (*Environmental Impact Assessment*). Walaupun EIA telah dijadikan amalan wajib di Malaysia,

namun jarang dilakukan pemantauan sosial (*social monitoring*) ke atas kawasan yang mengalami sesuatu pembangunan. Pemantauan sosial perlu dijalankan kerana kaedah ini mampu untuk memastikan agar kemapanan dan kelestarian kawasan yang menerima pembangunan akan terus stabil dan dinikmati oleh generasi seterusnya.

Melalui kertas kerja ini, pemantauan sosial yang berkait dengan kesejahteraan sosial terhadap masyarakat nelayan di Kampung Sri Bahagia akan dapat diteliti. Penelitian melibatkan sejauhmana pembangunan di kawasan sekitar telah menjamin kesejahteraan sosial penduduk setempat. Seringkali hasil daripada kajian-kajian pra-syarat menunjukkan kesan yang positif terhadap masyarakat sekitar dari segi ekonomi dan fizikal. Kebanyakan projek-projek pembangunan di sesuatu kawasan dikatakan tidak akan menjejaskan alam sekitar hasil daripada cadangan olahan sistem-sistem yang canggih yang akan dapat meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Sehubungan itu, kajian telah melihat secara diskriptif kebenaran unjuran-unjuran pra-pembangunan di kawasan Sri Bahagia. Antara indikator unjuran pembangunan yang digunapakai merangkumi penilaian perubahan sosial dengan merujuk terhadap kesan pembangunan ke atas kesejahteraan sosial masyarakat. Sehubungan itu penilaian berasaskan kepada pembolehkan penyediaan infrastruktur kepada masyarakat setempat. Perubahan sosial yang dimaksudkan adalah melihat kepada kesan positif dan negatif yang telah berlaku akibat daripada pembangunan kepada masyarakat sekitar.

## Metodologi

Kajian perpustakaan telah dijalankan di perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kerja lapangan telah dijalankan dalam bulan Julai 2010. Pemilihan responden adalah secara rawak dan purposif dengan memilih Ketua Isi Rumah sebagai responden utama.

Enumerator telah dipilih sendiri oleh penyelidik kumpulan penyelidikan sosial. Seramai 4 enumerator dilantik. Sebelum itu penyelidik telah memberi panduan bagaimana kajian harus dijalankan. Seramai 83 respond telah dapat ditemubual.

## Kesejahteraan sosial dalam dimensi pembangunan

Menurut Embong (2005), bermula pada tahun 1990, UNDP telah memperkenalkan tiga konsep pembangunan yang bermatlamat mewujudkan kesejahteraan dan mempertingkatkan martabat manusia. Ketiga-tiga konsep tersebut adalah; (i) mengutamakan pekerjaan dan pendapatan, (ii) kemudahan memperolehi layanan kesihatan dan (iii) kemudahan dalam menikmati pendidikan. Walau bagaimanapun, sampai saat sekarang ini, ketiga-tiga konsep pembangunan tersebut dianggap belum cukup untuk mewujudkan kesejahteraan manusia.

Perubahan kemudian dilakukan pada konsep kebijaksanaan pembangunan yang bermatlamatkan kesejahteraan manusia dan juga kelestarian alam sekitar. Pembangunan itu pula harus berlandaskan empat prinsip utama iaitu kesaksamaan, kelestarian, produktiviti dan pemerikasaan (Haq, 1995). Dijelaskan juga bahawa pembangunan manusia tidak menolak pertumbuhan sebaliknya menganggap pertumbuhan sebagai cara untuk memperluaskan pilihan manusia dan memajukan kesejahteraan mereka. Perubahan dalam pembangunan ini melibatkan proses dan jangka masa, sama ada berperingkat-peringkat ataupun dalam tempoh yang pantas dan berterusan. Contohnya, yang boleh dikesan pada hari ini ialah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Embong (2005) yang melihat perubahan kebijaksanaan pembangunan tersebut sebagai paradigma baru, mengatakan bahawa dalam perubahan tersebut manusia adalah merupakan pelakon-pelakon atau ejen-ejen yang sama seperti objek daripada pembangunan. Daripada pembangunan tersebut, dilakukan langkah-langkah selanjutnya dalam melakukan pilihan-pilihan bagi membolehkan mereka untuk menuju kepada pilihan hidup yang mereka harapkan dan tidak hanya bertumpu pada peningkatan pendapatan dan pertumbuhan. Seterusnya Embong berhujah,

bagi mewujudkan hal tersebut, pemerkasaan manusia haruslah menjadi prioriti utama, atau lebih jelasnya bahawa pembangunan tidak menjadi perkataan kunci bagi keupayaan kesejahteraan.

Pendapat lain tentang kesejahteraan hidup manusia dalam konteks pembangunan boleh juga dikaitkan dengan kebebasan dikemukakan oleh Sen (2000). Menurut Sen, pembangunan boleh dianggap sebagai usaha untuk memperluaskan kebebasan sebenar yang dinikmati oleh manusia. Lazimnya, pembangunan diidentifikasi dengan pertumbuhan keluaran negara kasar, peningkatan dalam pendapatan individu, industrilisasi, kemajuan teknologi atau pemodenan

### **Kaitan kesejahteraan sosial dengan kualiti hidup**

Dalam membicarakan mengenai kesejahteraan sosial, banyak dimensi boleh diambil kira untuk membuat eksplorasi ke atas subjek kesejahteraan sosial. Asmah Ahmad (1999) ada menyenaraikan penunjuk kesejahteraan yang boleh digunapakai dalam kajian yang menilai tahap kesejahteraan sosial disesuatu kawasan. Antara petunjuk kesejahteraan yang telah Asmah nyatakan adalah perlindungan, kesihatan, pendidikan, rekreasi, keselamatan, kestabilan sosial, persekitaran fizikal dan pendapatan. Setiap komponen tersebut mempunyai sub-sub petunjuk yang lebih terperinci. Dalam penilaian kesejahteraan sosial, suatu mankin pembangunan harus berlaku sebelum kesejahteraan sosial dan kualiti hidup dapat dikaji dan ditentukan. Mankin tersebut selalunya adalah pembangunan aktiviti ekonomi seperti pembangunan kawasan perindustrian.

Pembangunan perindustrian telah nyata menyumbangkan kepada pembangunan sesebuah negara. Sekiranya dilihat kepada kepesatan pembangunan perindustrian, didapati cuma beberapa buah negara sahaja menyumbang akan keluaran perindustrian meraka kepada keluaran pembuatan dunia, perkara yang membezakan ini boleh dilihat secara terperinci antara negara-negara diseluruh dunia. Deklarasi LIMA telah menyarankan supaya negara-negara membangun menyumbang tidak kurang daripada 25 peratus daripada keluaran pembuatan dunia.

Bila kita membincangkan tentang hal perindustrian, kita tidak harus lupa kepada peranan sektor tersebut dalam meningkatkan sumbangan secara umum kepada pertumbuhan dan kepesatan pembangunan sesuatu kawasan. Dalam hal sedemikian, sumbangan sektor ini boleh dilihat dari segi bawaan positif dan negatif. Faktor bawaan inilah yang akan membentuk suatu nilai yang seterusnya menjerumuskan kita ke dalam perbincangan mengenai kualiti hidup dan juga kesejahteraan sosial.

Dalam kajian yang telah dilakukan mengenai kualiti hidup penduduk di sekitar kawasan perindustrian di Singapura, didapati bahawa tiga perkara yang paling terkesan sekali yang diambil kira oleh penduduk di sekitar kawasan perkilangan adalah kesihatan, kehidupan keluarga dan keselamatan umum. Indikator seperti pembangunan sendiri, ugama dan politik adalah tiga indikator kualiti hidup yang paling tidak diambil peduli. Kajian tersebut juga mendapati bahawa perkaitan antara indikator demografi dengan keseluruhan kepuasan hidup adalah ditentukan oleh status perkahwinan, peringkat pembelajaran, pekerjaan, pendapatan keluarga dan bilangan ahli keluarga. Indikator-indikator tersebut didapati penyumbang terbesar dalam keseluruhan tahap kepuasan hidup penduduk di sekitar kawasan perindustrian di Singapura (Muhammad Faishal & Sim Wei, 2003).

Kajian mengenai kualiti hidup yang dijalankan oleh Azemi Che Hamid (2004) ke atas penduduk bandar Kerteh, Kemaman mendapati bahawa beberapa dimensi atau faktor kualiti hidup di bandar Kerteh adalah dalam keadaan yang baik bilamana beliau menjalankan analisis kepentingan-prestasi keatas dimensi-dimensi kualiti hidup yang dikaji. Dimensi yang menerima persepsi yang baik oleh penduduk Kerteh adalah kesihatan & penjagaan kesihatan, makanan & permakanan, infrastruktur, kehidupan keluarga, bantuan & perkhidmatan dan ekonomi.

Hasil dapatan Azemi menunjukkan bahawa subjek kualiti hidup adalah berbeza daripada satu tempat kepada tempat yang lain. Kelainan yang wujud adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti faktor ekonomi tempatan, kuasa yang menawarkan kemudahan asas kepada rakyat tempatan dan kuasa dalaman yang bertindak ke atas kawasan lokal tersebut.

## Perubahan kesejahteraan sosial

Setiap perubahan dalam pembangunan itu ada punca atau penggerak. Punca atau penggerak perubahan itu kerap dijadikan topik perselisihan pendapat. Kotler (1973:171) mengemukakan pendapatnya bahawa perubahan sosial terjadi apabila kelompok, institusi-institusi dan ahli-ahli komuniti menerima, bertindak atau respon dan cuba menyesuaikan diri ataupun menentang rangsangan (perubahan) yang baru itu. Dengan kata lain, penerima atau tentangan terhadap perubahan dan pembangunan lebih berkesan jika terjadi dalam bentuk kelompok. Sesuatu perubahan itu lazimnya adalah baik, yang tidak baiknya ialah perubahan yang terjadi dengan terlalu cepat dan pesat dan radikal hingga menimbulkan gejala-gejala sampingan yang kurang sihat, yang antara mereka terhamban keluar daripada aliran pembangunan. Dalam pada itu, Susanto (1983) berpendapat bahawa perubahan masyarakat yang terjadi pada masa sekarang disebabkan adanya temuan dan pemanfaatan teknologi canggih. Dengan itu, masyarakat harus berusaha mengikut perubahan demi mengejar kemajuan. Hal yang sama diperkatakan oleh Soekanto (1986), bahawa perubahan yang begitu cepat yang berlaku pada setiap kelas sosial dijamin moden dan serba berteknologi canggih sekarang ini akan dapat menimbulkan pelbagai masalah sosial.

Perubahan dalam masyarakat itu dilihat secara umum dalam tiga perkara utama, iaitu perubahan fizikal, perubahan ke atas faktor-faktor budaya dan perubahan institusi. Hamid dan Ahmad (1992) menghuraikan perubahan kesejahteraan dalam tiga bahagian. Pertama, perubahan kesejahteraan sosial dalam berubahnya pola interaksi di dalam masyarakat, terlepas daripada apa pun penyebabnya dan menuju kearah yang lebih mendukung tercapainya tujuan baru. Kedua, perubahan kesejahteraan ekonomi adalah perubahan relatif daripada kemampuan untuk memenuhi keperluan fizikal yang selari dengan prasarana tunjang. Ketiga, perubahan budaya lebih menyebelahi kepada perubahan orientasi ideal dan kognitif yang berganding dengan perspektif pemikiran, sistem nilai serta ekspresinya. Perubahan budaya mensyaratkan perubahan perspektif pemikiran yang radikal kerana selari dengan aspek kehidupan yang mendasarinya.

Ryff (1989) mengemukakan bahawa terdapat tiga bahagian yang berupa teori yang berbeza dalam mengertikan kesejahteraan, antaranya (i) teori pembangunan manusia, (ii) teori psikologi, dan (iii) teori kesihatan mental, terutamanya kesihatan mental positif. Ryff mengusulkan enam komponen kesejahteraan, iaitu: sambutan pribadi, matlamat hidup, penguasaan lingkungan, otonomi, perkembangan pribadi dan hubungan positif kepada hal-hal lain.

Kesejahteraan dan kualiti hidup merupakan konsep yang sangat sukar dijelaskan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji-pengkaji terdahulu berpendapat bahawa kesenangan hidup, barangan material dan pekerjaan yang berfaedah adalah merupakan harapan yang sangat penting. Kesemua ini adalah makna daripada kesejahteraan. Sebahagian orang berpendapat bahawa kesejahteraan berpunca daripada ukuran-ukuran fikiran yang sihat atau kecekapan untuk menyelesaikan tugas-tugas khusus. Dalam pada itu sebahagian lainnya berpendapat bahawa kesejahteraan lebih umum daripada ciri-ciri sosial masyarakat (Khan & Juster, 2001).

Conyers (1981) pernah berhujah bahawa bagi mencapai matlamat kesejahteraan sosial perlu dilakukan pengukuran kadar perkembangan sosial terlebih dahulu. Alasan pengukuran tersebut adalah kerana:

- i) perlunya maklumat mengenai situasi sosial atau keadaan perkembangan sosial. Ia diperlukan untuk tujuan-tujuan penjelasan atau yang lebih sering iaitu untuk mengenalpasti soalan-soalan atau memformulasikan kebijaksanaan atau program
- ii) ia diperlukan bagi tujuan menandakan pelbagai variasi situasi sosial di antara dalam aspek kependuduk. Contohnya, antara satu daerah dengan daerah yang lain, atau antara pelbagai kelas sosial yang berbeza
- iii) ia juga diperlukan untuk mengukur perubahan-perubahan keadaan sosial yang selalu berlaku.

Dalam pada itu, untuk mencapai kesejahteraan sosial, kita perlu dapat mengetahui segala masalah yang akan membantu segala rancangan untuk masyarakat (Azmi Ramli, 1982).

Seterusnya, Conyers (1981) mengatakan bahawa kriteria yang diukur merupakan indikator jenis perkembangan sosial atau perubahan sosial yang sedang diselidiki dan mengharuskan penelitian yang mendalam akan istilah 'indikator sosial' (*social indicators*). Contoh indikator yang dapat dipakai bagi mengukur kesihatan penduduk iaitu harapan hidup (*life expectancy*), kematian bayi (*infant mortality*), penyebab kematian (*cause of death*) dan bilangan pesakit yang mendaftar daripada pelbagai penyakit.

Anthrope (1978) telah memisahkan indikator kesejahteraan sosial kepada 3 kategori utama, iaitu:

- i) Petunjuk yang mengukur aspek-aspek bukan ekonomi dalam pembangunan (demografi, kesihatan, pelajaran, penggunaan dan pendekatan perkhidmatan sosial)
- ii) Petunjuk yang mengukur kualiti hidup (*quality of life*) atau kadar kepuasan dan kelayakan hidup penduduk yang menggunakan beberapa kriteria objektif tentang apa sahaja yang boleh menyokong sesuatu kehidupan yang baik ataupun menggunakan keupayaan untuk mengenali pelbagai keperluan dan harapan yang diharapkan oleh masyarakat
- iii) Petunjuk yang mengatur kepelbagaian kualiti hidup diantara aspek kependudukan. Oleh itu, ia akan mengenalpasti kewujudan kepincangan sosial.

Daripada pelbagai hujah yang dikemukakan, kesejahteraan sosial boleh dipisahkan kepada tiga dimensi yang berbeza, iaitu kesejahteraan sosial dalam dimensi sosio-budaya, sosio-ekonomi dan pembangunan.

### **Kesejahteraan sosial dalam dimensi sosio-budaya**

Robertson (1977), pernah menjelaskan bahawa perubahan sosial merupakan perubahan yang berlaku terhadap pola struktur sosial, institusi dan pelakuan sosial dalam jangka masa yang berterusan. Jika dirujuk kepada kehidupan sosial sesebuah masyarakat, contohnya dari segi budaya, perubahan yang membawa unsur-unsur dan nilai baru boleh mempengaruhi pembentukan satu bentuk budaya yang telah disesuaikan dan disalurkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Satu budaya akan terus berubah untuk mengadaptasi mengikut keperluan dan tuntutan sistem sosial yang wujud. Oleh itu, pertimbangan budaya penting dalam memahami pembangunan. Menurut Ishak Shari (2002), jika kita mengabaikan pertimbangan budaya, kita hanya melihat pembangunan sebagai satu proses kejuruteraan sosial pada peringkat global yang ditentukan oleh golongan kaya dan berkuasa.

Evolusi budaya dan sosial di kalangan manusia berlangsung secara pantas. Ini dapat dikesan melalui peradaban manusia yang telah dilalui beribu tahun dan memanifestasikan kemajuan serta perubahan manusia yang berbeza-beza. Kepantasan perubahan ini berdasarkan punca dan penggerakannya sehingga pada lazimnya, wujud situasi di mana proses perubahan itu berlaku secara tidak seimbang dan juga tidak setara (Junaenah Sulehan et. all., 2005).

Seterusnya Junaenah Sulehan et. all. (2005) mengemukakan bahawa fenomena perubahan dalam masyarakat wujud apabila tindakan ahli-ahli komuniti saling mempengaruhi dan dipengaruhi oleh struktur sosial dan institusi serta unit yang sedia wujud dan saling terjalin diantara satu sama lain dari aspek nilai, kepercayaan, norma, mores dan tindakan yang dikongsi bersama. Ini bererti individu dan struktur sosial saling bertindak dalam merancang dan menentukan haluan perubahan.

Sementara itu, Coyers (1981) pernah mengemukakan bahawa proses perubahan sosial budaya terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu; (i) perubahan struktur sosial, contohnya saiz keluarga, kepentingan keluarga yang besar dan kelas sosial, (ii) perubahan dalam penyediaan perkhidmatan sosial seperti pendidikan dan kesihatan, dan (iii) perubahan-perubahan kehidupan seperti upacara tradisional dan perubahan sikap manusia.

## **Kesejahteraan sosial dalam dimensi sosio-ekonomi**

Aktiviti ekonomi berlaku adalah akibat daripada tindakan manusia. Aktiviti ini akhirnya memberi faedah untuk meningkatkan kesejahteraan manusia. Para penyelidik melihat isu kesejahteraan sosial daripada perspektif sosio-ekonomi dalam pelbagai ragam. Ada yang meneliti dan berhujah bahawa keupayaan ekonomi berupaya merubah indikator dalam penelitian perubahan kesejahteraan sosial.

Antara yang menyokong pendapat ini adalah Hamid dan Ahmad (1992). Mereka berhujah bahawa perubahan kesejahteraan ekonomi adalah perubahan yang relatif daripada kemampuan untuk memenuhi keperluan fizikal hidup dengan prasarana sebagai pemangkinnya. Inglehart (1997) mengemukakan pendapat bahawa sekiranya lebih besar pendapatan sesuatu negara yang ditunjukkan melalui pendapatan perkapita, seterusnya akan cenderung untuk meningkatkan kesejahteraan negara tersebut.

Secara umumnya, boleh diterima bahawa pembangunan perubahan sosio-ekonomi sesuatu masyarakat melalui peningkatan per kapita, kuasa membeli, peningkatan dalam kepenggunaan, penyediaan prasarana yang baik, peningkatan dalam pendidikan, teknologi dan sains, ekonomi dan perdagangan disertai pengurangan jurang kemiskinan dapat meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat dan negara.

Terdapat juga kritikan mengenai pendapat-pendapat kesejahteraan sosial, Campbell (1981) mengatakan bahawa syarat-syarat kesejahteraan memiliki nilai adalah lebih berbanding dengan kepuasan kecukupan material sahaja. Pendapatan dan ukuran dalam kepuasan meterial merupakan hal penting tetapi tidak cukup untuk menjadi indikator kesejahteraan sosial.

## **Persepsi**

Kajian yang berkaitan dengan persepsi-perilaku telah dijalankan oleh ahli geografi, mereka meluahkannya dalam ekspresi "*behaviouralism*", yang merupakan suatu pendekatan yang digunakan secara meluas di dalam kajian Sains Sosial semenjak 1960an yang mana ianya berasal daripada "*behavioural science*" (Berelson, 1968). Pengkaji tingkahlaku melihat manusia sebagai subjek kajian di mana pemikiran mereka adalah tindakan daripada proses kognitif. Kognitif, menurut Proshansky et al. (1976) berkaitan dengan proses psikologi dimana manusia berkebolehan untuk mendapat, menyimpan, mengguna dan pengoperasikan infomasi. Proses ini merangkumi semua jenis proses mental seperti daya mengenal, pandangan, mengingat, membayangkan, menghukum dan memilih. Ini semua merupakan kaitan dengan perilaku dan persepsi. Dengan kata lain, kognitif boleh dirumuskan sebagai proses mental di mana manusia memperoleh, menyusun dan menggunakan pengetahuan dan pengalaman daripada persekitaran mereka. Persepsi, sebaliknya merupakan faktor yang lebih terperinci; ia adalah fungsi psikologi yang membolehkan individu merubah daya rangsangan kepada pengalaman yang terancang. Persepsi sendiri adalah proses kognitif.

Kebanyakan pengkaji persepsi dalam Sains Sosial berminat untuk mengkaji bagaimana cara manusia membuat sesuatu tanggapan berkaitan dengan persekitaran dan alam sosial mereka dan apakah faktor yang memberi kesan yang mendalam kepada kaitan dan hubungan antara pemikiran dan perilaku yang akhirnya melahirkan suatu persepsi. Harus diingat juga bahawa semua keputusan dan pemikiran yang akhirnya melahirkan persepsi adalah hasil daripada kesinambungan sebab dan musabab yang diikuti dengan proses pengukuran yang sistematik.

## **Penemuan kajian**

Penelitian terhadap aspek demografi penduduk di kawasan kajian mendapati majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu. Sudah menjadi suatu corak bahawa kebanyakan penduduk di kampung-kampung adalah selalunya terdiri daripada bangsa Melayu yang mana kebanyakan

bekerja sebagai petani, penternak dan nelayan. Di kawasan kajian ini boleh dikatakan hampir keseluruhan responden adalah terdiri daripada warganegara Malaysia.

**Jadual 1. Jantina responden**

Jantina	Peratus
Lelaki	46.8
Perempuan	53.2
Jumlah	100.0

Jadual 1 memaparkan peratusan responden dari segi jantina, didapati kaum perempuan melebihi kaum lelaki. Ini mungkin pada masa kerja lapangan dijalankan, ramai diantara kaum lelaki telah pergi bekerja.

**Jadual 2. Umur responden**

Umur (tahun)	Peratus
11-20	1.2
21-30	20.5
31-40	18.1
41-50	14.5
51-60	18.1
61-70	27.7
Jumlah	100.0

Dari segi umur responden pula, Jadual 2 menunjukkan bahawa peratusan responden yang tertinggi adalah daripada kategori umur 61 hingga 70 tahun (27.7%). Diikuti oleh golongan yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun (20.5%).

**Jadual 3. Taraf Perkahwinan**

Status	Peratus
Bujang	9.6
Berkahwin	80.8
Janda/duda	9.6
Jumlah	100.0

Jadual 3 pula memaparkan taraf perkahwinan responden, kebanyakan responden yang telah ditemui adalah sudah berkahwin iaitu sebanyak 80.8%. Yang lainnya adalah sama antara bujang dan janda atau duda.

**Jadual 4. Pekerjaan utama responden**

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Nelayan	49	59.1
Perniaga/Usahawan	8	9.6
Kakitangan Kerajaan	3	3.6
Kakitangan Swasta	3	3.6
Pertukangan	1	1.2
Tidak Bekerja	8	9.6
Buruh	11	13.3
Jumlah	83	100.0

Dari segi pekerjaan yang dimiliki oleh responden, Jadual 4 memaparkan jenis pekerjaan utama di kawasan kajian. Didapati bahawa hampir 10% daripada responden tidak mempunyai pekerjaan utama. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati hampir 60% daripada responden

adalah nelayan dan ini adalah kerana kampung Sri Bahagia terletak di tepi pandai dan kampung ini memang terkenal dengan sumber lautnya. Daripada jumlah responden, buruh adalah jenis pekerjaan yang kedua terbanyak (13.3%) dan diikuti dengan peniaga atau usahawan (9.6%) di tempat ketiga.

Data yang dikumpul oleh enumerator kajian menunjukkan bahawa jumlah tanggungan (Jadual 5) oleh kebanyakan responden adalah antara 4 hingga 6 (44.4%) adalah yang kerap sekali diikuti dengan jumlah tanggungan antara 1 hingga 3 (34.6%) orang.

**Jadual 5. Bilangan tanggungan**

Tanggungan (orang)	Peratus
1-3	34.6
4-6	44.4
7-9	18.5
>10	2.5
Jumlah	100.0

Pendapatan bulanan responden juga ditanya, pendapatan bulan adalah seperti di Jadual 6. Mereka juga ada di Tanya secara lisan sama ada ada peningkatan dalam pendapatan mereka jika disbanding 10 tahun yang lalu, ramai daripada responden telah menyatakan ada peningkatan daripada 10 tahun yang lepas hasil daripada pembangunan kawasan dan tambahan pendapatan daripada ahli keluarga. Ini menandakan secara lisan peningkatan pendapatan responden daripada 10 tahun yang lepas sehingga sekarang.

**Jadual 6. Pendapatan bulanan responden**

Pendapatan (RM)	Peratus
0-500	55.7
501-1000	36.1
1001-1500	4.9
1501-2000	1.6
2001-2500	0
2501-3000	1.6
Jumlah	100.0

Semasa lawatan awal dan lawatan kerja lapangan, didapati di kampung ini mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Kemudahan telefon awam sangat kurang. Dalam kajian ini, tahap kepuasan kepada kemudahan yang disediakan oleh pihak berkuasa juga ditanya, dan Jadual 7 memaparkan persepsi kepuasan mereka terhadap kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Hal ini adalah satu penunjuk kepada kesejahteraan sosial yang baik pada kebanyakan kemudahan asas.

**Jadual 7. Kepuasan terhadap kemudahan infrastruktur (%)**

Infrastruktur	Tidak Puas Hati	Sederhana	Sangat Puas Hati	Jumlah
Air	-	10.0	90.0	100.0
Elektrik	-	10.0	90.0	100.0
Telefon Awam	80.0	10.0	10.0	100.0
Jalan Raya	-	-	100.0	100.0
Jambatan	-	-	100.0	100.0
Dewan Orang Ramai	50.0	37.5	12.5	100.0
Internet	87.5	-	12.5	100.0
Klinik Kesihatan	37.5	12.5	50.0	100.0
Pra Sekolah	50.0	12.5	37.5	100.0



Sekolah Rendah	25.0	12.5	82.5	100.0
Sekolah Menengah	50.0	25.0	25.0	100.0
Balai/Pondok Polis	62.5	25.0	12.5	100.0
Gerai/Kedai Makan	75.0	-	25.0	100.0
Kedai Runcit	-	-	100.0	100.0
Kedai Perkhidmatan (cth. baiki motosikal)	12.5	-	87.5	100.0
Kemudahan Beribadah	62.5	12.5	25.0	100.0
Perkhidmatan Pos	62.5	12.5	25.0	100.0
Telefon Bimbit	25.0	25.0	50.0	100.0
Padang Permainan	37.5	12.5	50.0	100.0
Tanah Perkuburan	55.6	-	44.4	100.0

Dari jawapan yang diterima daripada responden terhadap infrastruktur kawasan kediaman mereka, terdapat beberapa jenis infrastruktur di dalam kategori tidak puas hati dimana peratusan "tidak puas hati" adalah besar nilainya seperti telefon awam (80 peratus), dewan orang ramai (50 peratus), kemudahan internet (87.5 peratus), pra sekolah dan sekolah menengah masing-masing 50 peratus), balai atau pondok polis, perkhidmatan pos dan tempat beribadah masing-masing 62.5 peratus, gerai makan 75 peratus dan tanah perkuburan 55.6 peratus. Daripada 20 jenis perkhidmatan yang di soal tentang persepsi kepuasan hati terhadap kewujudannya di kawasan kediaman mereka, separuh atau 10 jenis infrastruktur tersebut telah di nilai mengikut persepsi responden menyatakan ketidak puasan hati. Ini menjelaskan kepada kita bagaimana tahap kesejahteraan sosial responden di kawasan kediaman mereka, dan ini sedikit sebanyak telah timbal balik kepada kesan pembangunan dan pentadbiran pihak berkuasa kepada penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan kajian.

## Hasil dapatan

Pertumbuhan ekonomi dan proses perindustrian di Malaysia berlaku dengan pesatnya semenjak negara ini mencapai kemerdekaan. Pembukaan kawasan perindustrian sama ada kecil atau besar telah berlaku di semua negeri di negara ini. Hal ini disebabkan oleh dasar pembangunan negara telah memberi tekanan kepada pembangunan industri. Perindustrian yang berskala kecil telah diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi peluang dan membuka potensi pembangunan sosioekonomi kepada penduduk luar bandar.

Faedah yang diterima oleh penduduk daripada pembangunan adalah kesempaian masyarakat setempat kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang telah diperluaskan bagi menampung penduduk yang meningkat. Peluang pekerjaan juga telah terbuka luas kepada masyarakat setempat. Ini semua dapat dinikmati oleh mereka yang berasal daripada kawasan itu dan juga mereka yang berpindah masuk ke kawasan tersebut untuk merebut peluang peningkatan ekonomi. Hal ini terjadi kepada masyarakat setempat di sekitar Mersing bila mana daripada temu bual kajian mendapati kebanyakan mereka telah berubah pekerjaan daripada pekerjaan tradisional seperti nelayan kepasda sektor lain. Perubahan sektor pekerjaan ini telah meningkatkan keupayaan ekonomi keluarga mereka bilamana pendapatan isi rumah telah meningkat dan keupayaan pemilikan harta dan barangan rumah telah meningkat.

Daripada temu bual kebanyakan responden menyatakan pendapatan yang meningkat daripada dahulunya dan sehubungan dengan perubahan pendapatan dan taraf hidup, tahap kesejahteraan mereka telah meningkat. Dapatan ini telah menyokong hujah yang telah dimajukan oleh Hamid dan Ahmad (1992) bahawa kesejahteraan sosial merangkumi kamampuan dari aspek keperluan darisegi kewangan, fizikal dan prasarana sebagai pemangkin kesejahteraan sosial. Impak yang diberi oleh pembangunan Mersing telah menyebabkan penambahan infrastruktur dan kemudahan awam yang lebih walau pun masih lagi tidak memuaskan tetapi telah menaikkan sedikit tahap kehidupan harian mereka. Dapatan ini juga selari dengan pendapat Inglehart (1997) yang mengatakan semakin tinggi pendapatan sesuatu masyarakat secara keseluruhan, seterusnya akan cenderung untuk meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat tersebut. Tambahan beliau lagi,

perubahan ini diukur daripada peningkatan per kapita, kuasa membeli, kepenggunaan, prasarana yang lebih baik dan lain-lain lagi.

Daripada hasil kajian, tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan menunjukkan tahap yang memuaskan. Hal ini dapat dilihat dalam faktor kesihatan dan pendidikan (tahap pertama dan kedua) di kesemua kampung yang dikaji. Daripada tinjauan, didapati wujud prasarana-prasarana tersebut di kebanyakan kampung dan sekiranya tiada didapati akses kepada prasarana tersebut adalah mudah.

## Kesimpulan

Kesejahteraan sosial masyarakat kawasan kajian telah mencapai kepada tahap yang agak baik daripada aspek sosial dan fizikal hasil daripada penambahan kemudahan infrastruktur dimana sekali gus telah meningkatkan ketersampaian dan peningkatan kepada tahap kehidupan harian penduduk. Mereka merasakan bahawa tahap kesejahteraan mereka meningkat hasil daripada pembangunan dan pentadbiran pihak berkuasa Mersing walau pun tahap kepuasan kepada keperluan masih di tahap rendah. Kemudahan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan memberi impak dan menyebabkan mereka mampu meningkatkan status kehidupan mereka. Persekitaran masyarakat juga menjadi lebih harmoni hasil pembangunan dan pentadbiran pihak kerajaan di Mersing.

## Rujukan

- Abdullah Hamid, Iman Ahmad (1992) *Perubahan ekonomi dan resistensi budaya*. Jakarta
- Apthorpe R (1978) *Social indicators, definition, properties, uses and representation*. Frank Cass, London.
- Asmah Ahmad (1999) Ketaksamaan kesejahteraan sosial di Malaysia: Suatu manifestasi pembangunan tak seimbang. Prosiding Seminar Kebangsaan Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia: Dasar, Strategi dan Kelestariannya. Jabatan Geografi, UKM.
- Azemi Che Hamid (2004) Persepsi kualiti hidup: Satu tinjauan ke atas penduduk bandar Seri Kertih, Kemaman, Terengganu. Prosiding Simposium Kebangsaan Masyarakat Bandar. Universiti Malaya. Mac 2004.
- Abdul Rahman Embong (2005) *Development and well-being*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Berelson B (1968) Behavioral science. *International Encyclopedia of the Social Science* (edited by D. L. Sills), 2. Macmillan, London. pp. 41-45.
- Campbell A (1981) *The sense of well-being in America*. McGraw Hill, New York.
- Conyers D (1984) *An introduction to social planning in the third world*. John Wiley and Sons, London.
- Haq Mahbub (1995) *Reflection on human development*. Oxford University Press, London.
- Inglehart R (1997) *Culture shift in advanced of industrial society*. Princetown University Press, New York.
- Ishak Shari (2002) *Pembangunan: Mengejar impian atau khayalan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Junaenah Sulehan, Nor Azizan Idris, Nik Hairi Omar, Mohd Yusof Hussain (2005) *Masyarakat perubahan dan pembangunan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kotler P (1973) *Process and phenomena of social change*. John Wiley and Sons, New York.
- Muhammad Faishal Ibrahim, Sim Wei Chung (2003) Quality of life of residents living near industria estates in Singapore. *Journal of Social Indicators Research*, **60-61**, Kluwer Academic Publisher.
- Proshansky HM et. al (1976) Environmental psychology: A methodological orientation. In: Proshansky HM et al (eds) *Environmmetal psychology* (edited by 2nd edition), 59-69. Holt, Reinehart and Winston, New York.

- Robertsons I (1977) *Sociology*. Wort Publisher Inc, New York.
- Ryff C (1989) Happiness is everything or is it? *Journal of personality and social psychology* **57**, 1069-1081
- Sen A (2000) *Development as freedom*. Alfred A. Knoff, New York.
- Soekanto S (1986) *Ketertinggalan kebudayaan*. Rajawali, Jakarta.
- Susanto AS (1983) *Pengantar sosiologi dan perubahan sosial*. Bina cipta Press., Jakarta.